

MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN KURSUS KEPIMPINAN PEGAWAI WARAN (KKPW) SIRI 47/19

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4378-majlis-perasmian-pembukaan-kursus-kepimpinan-pegawai-waran-kkpw-siri-47-19

SUBANG, 17 Jan 19 - Majlis Pembukaan Kursus Kepimpinan Pegawai Waran (KKPW) Siri 47/19 telah disempurnakan oleh Ketua Staf MPPLU, Brig Jen Dato' Hj Sanusi bin HJ Samion TUDM. Majlis ini telah diadakan di Dewan Pahlawan Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan (INSTAR) yang dihadiri oleh Pegawai Memerintah INSTAR, Lt Kol Harisson bin Harun TUDM, pegawai-pegawai dan jurulatih INSTAR.

Kursus yang dihadiri seramai 50 anggota daripada pelbagai Ketukangan di dalam TUDM berpangkat Flait Sarjan terdiri daripada 46 pelatih lelaki dan 4 pelatih wanita. Kursus ini bermula pada 14 Jan 19 dan dijangka tamat pada 14 Feb 19.

